



Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 3 TAHUN 2002**

PERATURAN UKUR KADASTER 2002

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk mengedarkan *Peraturan Ukur Kadaster 2002* serta menguatkuasakan peraturan-peraturan yang termaktub dalam dokumen tersebut ke semua negeri di Semenanjung Malaysia, juga Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kemajuan sains dan teknologi yang pesat sejak beberapa dekad yang lalu telah membawa kepada terhasilnya peralatan, perkakasan dan teknik yang canggih, khususnya dalam bidang ukur dan yang berkaitan dengannya. Ciptaan-ciptaan baru berkenaan bukan sahaja memiliki fungsi dan ciri-ciri yang dapat memenuhi pelbagai keperluan kerja ukur bahkan mampu memberikan hasil yang lebih jitu.
- 2.2 Perkembangan ini telah secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi tatacara dan prosedur menjalankan kerja ukuran di lapangan dan kerja pemprosesan di pejabat. Dalam hubungan ini, proses ukur kadaster secara konvensional telah berubah dan bergerak ke arah proses kerja berteraskan pengkomputeran yang lebih efisien.
- 2.3 Di samping itu terdapat juga perubahan-perubahan kepada beberapa perundangan, yang ada hubungkaitnya dengan urusan kerja ukur. Ini termasuklah peruntukan khas mengenai pelupusan tanah bawah tanah atau stratum di bawah Kanun Tanah Negara, 1965 dan juga perundangan berasingan bagi urusan pecah bahagi bangunan di bawah Akta Hakmilik Strata, 1985.

- 2.4 Perkembangan yang disebutkan di atas telah membawa pelbagai kesan. Antaranya adalah di mana Peraturan Ukur 1976, yang telah digunakan sejak sekian lama, didapati tidak lagi sesuai dengan keperluan amalan ukur kadaster semasa serta perubahan yang dijangkakan pada masa akan datang. Bagi menangani keadaan ini, *Peraturan Ukur Kadaster 2002* telah disediakan untuk memenuhi keperluan tersebut dan pada masa yang sama, menggantikan Peraturan Ukur 1976.

3. FORMAT DAN KANDUNGAN

- 3.1 *Peraturan Ukur Kadaster 2002* telah digubal bagi mewujudkan peraturan-peraturan berkaitan kerja ukur kadaster yang terkini. Ia telah dibentuk mengikut ciri-ciri dokumen perundangan, selaras dengan matlamat akhir Jabatan untuk menjadikan dokumen ini sebagai sebuah perundangan.
- 3.2 Di samping itu, peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya telah dirangka supaya berbentuk umum agar dapat memenuhi keperluan semasa dan akan dapat terus kekal relevan buat jangka masa yang lebih panjang.
- 3.3 Secara umum Peraturan ini terbahagi kepada sembilan (9) bab yang meliputi pelbagai aspek ukur kadaster, iaitu seperti berikut:

<i>Bab 1</i>	-	<i>Permulaan</i>
<i>Bab 2</i>	-	<i>Peruntukan Am</i>
<i>Bab 3</i>	-	<i>Pengukuran</i>
<i>Bab 4</i>	-	<i>Ketepatan, Had Terima, Tutupan dan Keluasan</i>
<i>Bab 5</i>	-	<i>Borang, Format Pelan dan Maklumat Lain</i>
<i>Bab 6</i>	-	<i>Penomboran</i>
<i>Bab 7</i>	-	<i>Penandaan Sempadan</i>
<i>Bab 8</i>	-	<i>Arahan Pentadbiran</i>
<i>Bab 9</i>	-	<i>Pengecualian</i>

4. PENGUATKUASAAN

- 4.1 *Peraturan Ukur Kadaster 2002* akan disokong oleh Pekeliling-pekelling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan yang telah dan akan dikeluarkan bagi memperincikan lagi ketetapan proses, prosedur dan peraturan kerja. Dengan itu ia hendaklah digunakan bersekali dengan pekelling-pekelling yang masih terpakai dan yang bakal diterbitkan dari semasa ke semasa.
- 4.2 Pengeluaran dan penguatkuasaan *Peraturan Ukur Kadaster 2002* ini merupakan langkah interim. Usaha akan selanjutnya diambil untuk mewartakannya kelak sebagai sebuah Akta, yang mempunyai kekuatan dan kuasa yang lebih luas dari segi undang-undang.

4.3 Sehingga ia diwartakan, *Peraturan Ukur Kadaster 2002* adalah dikuatkuasakan melalui Pekeliling ini. Sehubungan itu, semua ketetapan yang terkandung di dalamnya hendaklah dipatuhi.

5. PENAMBAHBAIKAN

Langkah-langkah yang perlu telah pun diambil semasa menggubal *Peraturan Ukur Kadaster 2002* ini supaya ianya selengkap mungkin. Namun demikian, cadangan mengenai mana-mana bahagian yang memerlukan penambahbaikan adalah amat dihargai dan bolehlah disalurkan ke Ibu Pejabat JUPEM untuk tindakan susulan sewajarnya.

6. PELAKSANAAN

Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan penggunaannya mulai tarikh ianya dikeluarkan. Walau bagaimanapun, semua ukuran kadaster yang telah dijalankan mengikut peraturan terdahulu masih boleh diterima, iaitu dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

7. PEMANSUHAN PERATURAN UKUR 1976

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini maka Peraturan Ukur 1976 adalah dengan ini dimansuhkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan dalaman:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Salinan luaran:

Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

